



SIARAN MEDIA

BICARA NEGARAWAN: PEMIKIRAN DAN KEPIMPINAN TUN HUSSEIN ONN

KUALA LUMPUR: 14 Februari 2022 – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia hari ini merasmikan program Bicara Negarawan: Pemikiran dan Kepimpinan Tun Hussein Onn di Memorial Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur. Bicara Negarawan: Pemikiran dan Kepimpinan Tun Hussein Onn ini adalah sebuah majlis ilmu anjuran Arkib Negara Malaysia bersempena dengan mengenang 100 tahun tarikh kelahiran Allahyarham Tun Hussein Onn yang merupakan Perdana Menteri Malaysia ketiga.

Tun Hussein Onn dilahirkan pada 12 Februari 1922 di Johor Bahru, Johor. Beliau adalah anak sulung kepada pasangan Dato' Onn Ja'afar dan Datin Halimah Hussein. Ayahandanya ialah Dato' Onn Ja'afar yang merupakan pengasas dan presiden Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Nendanya pula adalah Menteri Besar Johor yang pertama iaitu Dato' Ja'afar Muhammad. Dikenali sebagai Bapa Perpaduan, Tun Hussein Onn adalah Perdana Menteri Malaysia yang ketiga selepas Tunku Abdul Rahman Putra dan Tun Abdul Razak. Beliau menyandang jawatan Perdana Menteri bermula dari Januari 1976 sehingga Julai 1981.

Perjalanan Tun Hussein Onn sebelum menjadi Perdana Menteri Malaysia amat panjang dan berliku. Setelah Tun Hussein Onn menamatkan pelajarannya di English College, Johor Bahru pada tahun 1940, beliau telah berkhidmat dalam Angkatan Tentera Timbalan Setia Negeri Johor sebagai seorang kadet. Kemudian beliau telah dipilih untuk mengikuti latihan ketenteraan secara intensif di Akademi Tentera India di Dehradun dan dinaikkan pangkat sebagai kapten. Selepas Perang Dunia Kedua beliau kembali ke tanah air dan memutuskan untuk meninggalkan kerjayanya sebagai pegawai tentera.

Tun Hussein Onn kemudiannya memilih untuk menjadi seorang Penjawat Awam dalam Perkhidmatan Pentadbiran Melayu iaitu berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Daerah dan pernah ditempatkan di Klang, Kuala Selangor dan Segamat. Setelah itu, Tun Hussein Onn menceburkan diri dalam politik secara sepenuh masa dan telah dipilih sebagai Ketua Pemuda UMNO yang pertama. Pada tahun 1951, Tun Hussein Onn mengikut jejak bapanya keluar daripada UMNO dan meninggalkan dunia politik sebelum melanjutkan pengajiannya dalam jurusan undang-undang di Lincoln's Inn, London.

Tun Hussein Onn seterusnya berkhidmat sebagai seorang peguam yang berjaya sebelum dipujuk oleh Tun Abdul Razak untuk menyertai UMNO semula pada tahun 1968. Pada 22 September 1970, Tun Hussein Onn telah dilantik secara rasmi sebagai Menteri Pelajaran. Kerana ketokohan dan keperibadiannya, Tun Hussein Onn kemudiannya diberi kepercayaan oleh Tun Abdul Razak untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri bagi menggantikan Tun Dr Ismail bin Dato' Abdul Rahman yang meninggal dunia pada 2 Ogos 1973. Ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau juga telah diamanahkan untuk menerajui Kementerian Kewangan dan Kementerian Penyelarasaran Perbadanan Awam.

Sehari selepas Tun Abdul Razak menghembuskan nafas yang terakhir, Tun Hussein Onn telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia di Istana Negara pada 15 Januari 1976. Beliau menggunakan segala pengalaman lampauya sebagai tentera, penjawat awam dan peguam dalam mentadbir negara. Tun Hussein Onn melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri secara rasmi pada 17 Julai 1981 kerana keadaan kesihatannya yang tidak mengizinkan beliau untuk terus memimpin negara. Biarpun telah bersara dari arena politik tanah air, Tun Hussein Onn masih lagi aktif dalam memberikan sumbangan kepada pembangunan negara dan masyarakat sehingga ke hembusan nafasnya yang terakhir. Tun Hussein Onn meninggal dunia di Pusat Perubatan Seaton, San Francisco, Amerika Syarikat pada 29 Mei 1990 akibat sakit jantung.

Bicara Negarawan: Pemikiran dan Kepimpinan Tun Hussein Onn yang dianjurkan ini adalah khusus bagi menyuburkan kembali ingatan masyarakat terhadap sumbangan dan jasa Tun Hussein Onn dari aspek pemikiran dan kepimpinannya sepanjang beliau mentadbir negara. Tokoh Pembicara bagi majlis Bicara Negarawan ini adalah Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad iaitu bekas Setiausaha Politik kepada Tun Hussein Onn. Manakala moderator majlis adalah Prof. Madya Dr. Hamidin bin Abdul Hamid, Pensyarah dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Bicara Negarawan adalah sebuah majlis yang dianjurkan oleh Arkib Negara Malaysia melalui Bahagian Arkib Negarawan yang khusus untuk menyebarluaskan maklumat sejarah serta mendekatkan masyarakat dengan tokoh-tokoh negarawan khususnya bekas-bekas Perdana Menteri. Ini sebahagian daripada peranan Arkib Negara Malaysia dalam melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri yang tinggi serta cintakan sejarah negara. Beberapa siri seumpama ini telah dirancang sepanjang tahun 2022 bagi mengenang dan memperingati 100 tahun tarikh kelahiran dua orang tokoh bekas Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Hussein Onn dan Tun Abdul Razak yang dilahirkan pada tahun 1922.

ARKIB NEGARA MALAYSIA

14 FEBRUARI 2022

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -
Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi
Arkib Negara Malaysia, Jalan Tuanku Abdul Halim
50568 Kuala Lumpur
Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674
Faks: 03-6201 5679
Emel: pro@arkib.gov.my